

MENITI CABARAN, MENGGUNUNG HARAPAN

20 Jun 2008, Utusan Borneo, m/s. 13,
Oleh *Jakaria Dasan*

Suatu waktu dahulu, seorang anak muda memulakan kembara dari sebuah kampung di pedalaman Keningau. Menaiki kenderaan mengikuti liku-liku kaki Gunung Emas beberapa jam lamanya hinggalah akhirnya beliau sampai ke Kota Kinabalu. Pengembaraannya itu diteruskan sehingga dia berjaya menjejakkan kaki di Universiti di Amerika Syarikat dan United Kingdom. Semuanya itu kerana semangat mendapatkan ilmu pendidikan yang kini akan menjadi tanggungjawabnya pula untuk disemai dalam hati dan benak fikiran 15,000 mahasiswa UMS sedia ada dan lebih kurang 4,000 orang mahasiswa baru yang akan menjejakkan kaki di Universiti Malaysia Sabah pada penghujung bulan ini.

Lef. Kol.Prof Datuk Dr Kamaruzaman Hj Ampon yang begitu mesra dikenali dengan panggilan Prof K merupakan anak tempatan negeri Sabah yang telah mencipta satu sejarah yang amat membanggakan khususnya bagi rakyat Negeri ini. Suatu ketika dahulu beliau merupakan kumpulan anak negeri ini yang terawal mendapat jawatan Profesor. Sejak memulakan karier sebagai Pensyarah dalam bidang Biochemistry pada tahun 1979 di Universiti Pertanian Malaysia, beliau tidak pernah menoleh ke belakang dan hanya fokus kepada usaha memantapkan kualiti akademik dalam diri beliau. Dalam ketulusan hati mengajar, beliau tekun belajar...dan tidak pernah beliau terfikir untuk mengejar pangkat dan kedudukan.” Beliau juga tidak menduga bahawa suatu hari nanti beliau akan berada di tempat dimana beliau sedang berada sekarang. Tidak pernah terlintas di fikirannya bahawa pada hari itu, **18 Jun 2008**, beliau diberi

suatu tanggungjawab untuk **meniti cabaran** menerajui Universiti Malaysia Sabah. Beliau amat menyedari begitu **menggunung harapan** diletakkan di bahunya.

Ingatan kepada pesanan orang tua masih terngiang-ngiang di ingatan, “*berdagang di negeri orang, bawalah balik ilmu dan pengalaman.*” Dalam sifat kesederhanaan beliau, Prof. Datuk Dr Kamaruzaman Hj Ampon punya cukup persediaan untuk mengemudi Universiti Malaysia Sabah meneruskan kecemerlangannya. Dengan sokongan kuat isteri beliau, Prof. Datin Dr Ann Anton, seorang ahli akademik dan pakar dalam bidang Bioteknologi, dan pasukan ahli akademik yang komited serta kakitangan pentadbiran yang sentiasa memberikan gandingan yang mantap kepada ahli-ahli akademik, segala cabaran itu akan dihadapi dengan jayanya. Mahasiswa yang diasuh di halaman UMS akan diupayakan minda dan kemahiran insaniah mereka untuk menjadi graduan yakni modal insan yang bijak membela nasib diri, keluarga dan negara. “*Ibarat seberkas lidi, tidak akan mudah untuk dipatah-patahkan, jika kita bersatu menggembelinkan kekuatan kita. Dan kekuatan kita itu perlu dimulakan dengan memulakan kekuatan dalam diri kita dahulu...Prof. K.*”

Selaku ahli akademik yang paling lama berkhidmat sebagai Timbalan Naib Canselor di UMS dan pernah menimba pengalaman sebagai Dekan Hal Ehwal Pelajar pada masa UMS mula beroperasi dan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, beliau mampu melonjak kedudukan UMS sehingga ke peringkat antarabangsa. Apa yang penting ialah memperkukuhkan integriti dan mengutamakan “*delivery.*” Keikhlasan juga merupakan faktor terpenting dalam memastikan halatuju UMS. “*Halatuju universiti memang telah lengkap dan sempurna. Kita tidak perlu mengubah*

halatuju itu. Tetapi kita perlu memantapkan pendekatan kita untuk mencapai halatuju yang telah termaktub dan terpampang jelas dalam misi dan visi UMS...Prof. K.”

Menyorot kembali sejarah awal penubuhan UMS, beliau menceritakan bagaimana cabaran awal mengemudi UMS dimulakan dengan menjadi Dekan Hal Ehwal Pelajar UMS yang pertama. Seramai 205 orang pelajar belajar dan tinggal di bangunan asrama Kolej Komuniti Yayasan Sabah. Mereka diasuh dan ditatang bagai minyak yang penuh kerana merekalah yang bakal menjadi kayu pengukur untuk perkembangan UMS selepas itu. Kumpulan pelajar yang berada di bawah jagaan beliau inilah yang telah meletakkan asas kepada pembangunan sahsiah dan pengajian mahasiswa hari ini dan para graduan sebelum ini. Bertitik tolak dari pengalaman itulah, beliau memulakan trend kepimpinan beliau yang tersendiri. Semasa di bawah pentadbiran Tan Sri Datuk Seri Panglima Abu Hassan Othman, Naib Canselor yang pertama, iaitu dari tahun 1994 hingga Mac 2005, juga beliau diberi kepercayaan untuk memegang jawatan Timbalan Naib Canselor. Apabila Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin, Naib Canselor yang kedua menjadi Naib Canselor beliau terus diberi kepercayaan untuk mengetuai Pusat Penyelidikan dan Inovasi atas kesedaran bahawa aspek penyelidikan dan inovasi merupakan komponen terpenting dalam usaha universiti menapak menjadi sebuah universiti terkemuka di peringkat antarabangsa.

Dibawah pengurusan beliau Pusat Penyelidikan dan Inovasi telah berkembang pesat selaras dengan perkembangan kreativiti dan inovasi ahli-ahli akademik UMS. **Terbaru, UMS mencipta sejarah di Pittsburgh, Amerika Syarikat dengan kemenangan dua (2) pingat emas dan**

satu (1) pingat gangsa dalam pertandingan hasil penyelidikan dan inovasi yang dipertandingkan di kalangan universiti di seluruh dunia. Rentak kejayaan ini pastinya akan terus dikecapi dibawah teraju beliau sebagai Naib Canselor. Dengan bekerja sepenuh hati dan sentiasa dedikasi kepada tugas dan bertanggungjawab kepada amanah yang diberikan, segala usaha akan akhirnya membuahkan kejayaan.

Dalam ucapan sulung beliau semasa pertemuan dengan kakitangan Jabatan Canselori iaitu pada hari pertama bertugas sebagai Naib Canselor, Prof K telah menekankan bahawa dalam tempoh kepimpinan beliau, segala arahan pentadbiran akan dibuat dengan jelas melalui cara yang mudah difahami. Tujuannya ialah agar kakitangan Jabatan Canselori khususnya dapat menyampaikan mesej yang sama kepada Fakulti, Pusat, Institut, Unit dan Jabatan lain di UMS. Jabatan Canselori merupakan Pejabat Utama dalam struktur pentadbiran di UMS. Melalui Jabatan inilah segala arahan kerajaan disalurkan dan dikuatkuasakan. Arahan yang jelas dan mudah itu walaubagaimana pun perlu dilaksanakan secara berpasukan dan setiap kakitangan perlu melihat dan memperkukuhkan kemampuan diri masing-masing. Karenah birokrasi akan dikurangkan sebagaimana saranan kerajaan. Tempoh masa mesyuarat akan dipendekkan bagi menumpukan kepada pelaksanaannya.

Selain itu beliau juga menitikberatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan staf. Pada suatu majlis bersama beliau sebelum itu, beliau pernah menyampaikan peripentingnya bahasa Inggeris itu pada era globalisasi. Bahasa Inggeris perlu dikuasai kerana ianya adalah bahasa antarabangsa utama dunia. *“Terdapat tiga bahasa yang terpenting di dunia. Pertama ialah bahasa*

Tuhan yang disampaikan melalui kitab-kitab suci. Kedua bahasa teknologi yang disampaikan menerusi medium komputer dan internet. Dan ketiga ialah bahasa Inggeris...Prof K.” Dalam subjek *Intercultural Management* (Pengajian *Master in Business Administration*), disentuh mengenai aspek *Knowledge Management*. Aspek ini menekankan bahawa pada masakini, tenaga kerja tidak harus terbatas kepada menguasai satu bahasa sahaja atau bahasa tempatan sahaja. Konsep persaingan terbuka dalam dunia globalisasi perlu dilihat sebagai suatu perkara yang sedang berlaku. Sebagai contoh, suatu waktu dahulu ada di kalangan kita beranggapan bahawa tidak perlulah mengambil tahu mengenai kecanggihan internet. Lalu kita pun hanya menggunakan komputer sebagai ganti mesin taip sahaja. Pada masa yang sama masyarakat antarabangsa di negara maju telah mula memahirkan diri dengan penggunaan internet. Akibatnya pada masa ini sedang kita masih cuba muat turun internet, masyarakat yang maju tadi sudah pun meneroka dan mendahului kecanggihan U-Tube dalam meningkatkan kemajuan diri mereka.

Sebelum itu, di Majlis Sambutan beliau sebagai Naib Canselor, beliau juga telah merasmikan Buletin **FOKUS** yang merupakan buletin terbaru keluaran **Bahagian Perhubungan Korporat UMS**. Beliau memuji usaha Bahagian Perhubungan Korporat (BPK) yang diketuai oleh **Cik Nort Hj Sirin** menerbitkan Buletin tersebut. Ini adalah kerana selain menjadi medium untuk memaparkan peranan BPK dalam mengetengahkan UMS, Buletin ini juga merupakan satu pendekatan UMS kepada masyarakat mengenai perkara dan aktiviti yang telah, sedang dan akan berlaku di UMS yang boleh memberi manfaat kepada pembangunan masyarakat keseluruhannya. UMS percaya sebagai

sebuah universiti yang berkembang maju, peranan proaktif Bahagian Perhubungan Korporat adalah sangat penting. Pada **Mei 2008**, UMS telah mendapat **Tiga Bintang** iaitu sama pencapaiannya dengan Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Sarawak dalam penarafan yang dibuat oleh **SETARA**, suatu Jawatankuasa Khas yang dibentuk oleh kerajaan (Kementerian Pengajian Tinggi) bagi **mengukur prestasi IPTA sepanjang tahun 2007**.

Sehubungan dengan itu, BPK perlu melihat UMS dalam konteks ianya berada setanding dengan universiti-universiti yang berada pada ranking yang lebih tinggi. Dengan kesedaran itulah kelak, maka setiap kakitangan BPK akan bekerja pada tahap mereka yang sebenarnya. BPK mempunyai dua Seksyen Teras iaitu **Seksyen Perhubungan Awam dan Korporat** yang akan diketuai oleh En Jakaria Dasan dan **Seksyen Perhubungan Pelanggan** yang diketuai oleh Puan Hayati Salleh Baihaqi. BPK turut diperkuatkan oleh **Seksyen Penerbitan Korporat** dan terbaru **Seksyen Radio UMS** di bawah kendalian Penerbit Rancangan, Feria Lee. *“Saya percaya dengan gandingan tenaga baru yang berpengalaman luas di Bahagian Perhubungan Korporat ini ianya akan membantu saya dalam mentadbir universiti yang sudah pun diletakkan sebaris dengan nama besar sepertimana penarafan yang telah dibuat oleh SETARA... Prof K.”*

Aspek meningkatkan kesedaran agar peka kepada usaha memelihara kesihatan diri juga merupakan fokus utama Prof K. Sebagai seorang yang aktif bersukan, Prof K telah berjaya menanamkan semangat sentiasa ingin maju dalam dirinya. Baginya pertandingan sebenar adalah antara kita dengan diri kita sendiri. Jika kita dapat menewaskan hawa nafsu kita, jika kita dapat

menundukkan keangkuhan diri kita, jika kita dapat mengalahkan sikap negatif dalam diri kita, maka sudah pasti kita sudah bersedia untuk mencapai kemenangan dengan lawan kita (orang lain). Dalam masa pentadbiran beliau, *health awareness program* seperti aktiviti bersukan di kalangan kakitangan akan dibudayakan. Minda yang cerdas adalah hasil daripada badan yang sihat.

“Meniti Cabaran, Menggunung Harapan” adalah suatu artikel khas yang tulus mengalu-alukan kepimpinan Yang Berbahagia Lef. Kol. Prof Datuk Dr Kamaruzaman Hj Ampon, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah yang ketiga... **Naib Canselor anak tempatan negeri Sabah yang Pertama.** Seluruh kakitangan UMS mendoakan kesihatan dan kesejahteraan beliau, dan akan berusaha membantu beliau dan pengurusan Universiti Malaysia Sabah membangun universiti ini menjadi pemangkin utama kecemerlangan pendidikan tinggi negara.